

UTP julang Piala Debat Alam Sekitar

KUALA TERENGGANU 19 Julai – Universiti Teknologi Petronas (UTP) muncul juara Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini hari ini.

Pasukan yang diwakili Junnyaruin anak Barat, Muhammad Imran Muiz Abidin, Muhamad Siddiq Mahyuddin dan Mohd. Khazaidi Kamaruddin itu menewaskan pasukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada peringkat akhir debat tersebut.

UTP yang bertindak sebagai kerajaan, berdebat berhubung usul Penguatkuasaan Undang-Undang Lebih Berkesan Daripada Pemantapan Kesedaran Dalam Menyelamatkan Alam Sekitar.

Kemenangan itu membolehkan UTP membawa pulang Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, wang tunai RM8,000 dan sijil penyertaan.

USIM melalui Ummu Umairah Azahari, Mohd. Ikhwan Mohd. Roselli, Mohd. Shah Izad Salleh dan Nor Izati Lokman yang bertindak sebagai pembangkang pula menerima wang tunai RM5,000 dan sijil penyertaan.

Mohd. Ikhwan juga dianugerahkan Pendebat Terbaik dan membawa pulang Piala Ketua Pengarah Alam Sekitar dan wang tunai RM1,500.

Universiti Malaya (UM) yang di-



PENDEBAT kerajaan yang diwakili pelajar UTP ceria selepas menewaskan pembangkang diwakili oleh USIM di Kuala Terengganu, semalam.

wakili Mohamad Asri Ab. Jani, Mohd. Firdaus Ahmad, Muhammad Azzairi Rosle dan Shen Yee manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dianggotai Nor Fara Syazwani Jufrin, Muhammad Badri Ishak, Muhammad Zahir Ab. Aziz dan Nabilah menerima hadiah pasukan yang layak ke separuh akhir.

Kedua-duanya membawa pulang wang tunai RM1,000, sijil penyertaan dan hadiah iringan sementara Muhammad Badri juga menerima Hadiah Pendebat Terbaik Liga dan menerima piala dan wang tunai RM300.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.